



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING

**MESYUARAT JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)**

Mengenai:

**Transaksi Tanah Milik
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur**

Pegوام:

- i) YBhg. Tuan Derek John Fernandez

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KEDUA**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA
ISNIN, 19 OGOS 2019**

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Dato' Dr. Noraini Ahmad - *Pengerusi*
YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] - *Timbalan Pengerusi*
YB. Tuan Wong Chen [Subang]
YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]
YB. Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]
YB. Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]
YB. Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]
YB. Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]
YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

Tidak Hadir [Dengan Maaf]

YB. Tuan Robert Lawson Chuat [Betong]
YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]
YB. Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]
YB. Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]

URUS SETIA

Encik Amisyahrizan bin Amir Khan [Setiausaha Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia]
Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Encik Rosli bin Aw Ahmad [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Cik Nurul Adila binti Hamdan [Jurubahasa Serentak Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Jabatan Audit Negara

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan [Timbalan Ketua Audit Negara (Prestasi)]
Puan Yusnani binti Zakaria [Pengarah Bahagian Audit Prestasi I]
Dr. Farida binti Veerankutty [Timbalan Pengarah Audit Sektor Audit Prestasi]
Encik Mohd Faizal bin Abu [Ketua Penolong Pengarah Audit Sektor Audit Prestasi]
Encik Muhammad Zhaffan bin Zaini [Penolong Pengarah Audit Sektor Audit Prestasi]

samb/-

HADIR BERSAMA (*samb/-*)**Kementerian Kewangan**

Encik Azize bin Taib [Ketua Seksyen Parlimen dan Kabinet]

Puan Azreen binti Awang [Ketua Penolong Setiausaha Unit Kawalan Pemantauan (LKAN & PAC)]

Encik Mohammad Adam Danial bin Hafiz Goh [Penolong Setiausaha Unit Kawalan Pemantauan (LKAN & PAC)]

Jabatan Peguam Negara

YBhg. Datuk Amirudin bin Abd. Rahman [Timbalan Ketua Bahagian Penasihat]

Puan Nawal Nadia binti Azimuddin [Pegawai Undang-undang]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

YBhg. Dato' Shamsun Baharin bin Mohamad Jamil [Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pencegahan / Ketua Pegawai Maklumat (CIO)]

Jabatan Perkhidmatan Awam

Puan Noor Aini binti Ahmad [Timbalan Pengarah Kanan (Unit Laporan Ketua Audit Negara dan Operasi Khas)]

Jabatan Akauntan Negara

Puan Zuriyanti binti Abdul Hamid [Ketua Penolong Pengarah Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi]

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

YBhg. Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa [Pengarah Bahagian Perkhidmatan Sosial]

Cik Suhaida binti Mohd Dahlan [Ketua Penolong Pengarah Perakaunan Bahagian Pembangunan Ekuiti)]

SAKSI-SAKSI**Tetuan Fernandez & Selvarajah**

Tuan Derek John Fernandez [Peguam Cara]

Encik Lee Yong Ching [Wakil]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL KEDUA

Isnin, 19 Ogos 2019

Bilik Jawatankuasa 1, Blok Utama, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.07 pagi

[Yang Berhormat Dato' Dr. Noraini Ahmad *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Pengerusi: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, selamat pagi dan selamat datang kepada semua terutamanya kepada Yang Berhormat Naib Pengerusi PAC Parlimen, Yang Berhormat Wong Kah Woh; Yang Berhormat Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) Parlimen Keempat Belas; Yang Berbahagia Datuk Roosme binti Hamzah selaku Setiausaha Dewan Rakyat yang juga merupakan Setiausaha PAC Parlimen; semua pegawai-pegawai ex-officio PAC Parlimen daripada pelbagai kementerian iaitu Kementerian Kewangan (MOF), Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Jabatan Peguam Negara (AGC), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan juga Jabatan Akauntan Negara.

Hari ini apa yang kita nak buat kita akan mulakan— kita akan ada dua mesyuarat pada hari ini. Dan esok juga sebelah pagi dan petang juga kita akan berjumpa dan juga bermesyuarat. Terlebih dahulu, saya hendak mengucapkan terima kasih kepada semua kerana hadir dalam Mesyuarat PAC Parlimen terutamanya pada hari ini.

Jadi, Yang Berhormat Ahli-ahli mesyuarat sekalian, sebelum saya meneruskan perutusan berhubung mesyuarat pada pagi ini, terlebih dahulu saya hendak mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat PAC serta terutamanya Yang Berbahagia Datuk Setiausaha Jawatankuasa ini kerana menyertai satu bengkel iaitu Bengkel Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Komanwel, ataupun *in short* kita panggil CAPAC yang dibuat dan juga dianjurkan oleh CPA UK yang telah dibuat pada 1 Ogos sehingga 3 Ogos yang lalu. Ada di dua tempat. Satu di Parlimen Malaysia dan satu lagi di Hotel Hilton Sentral.

Kita melalui— setelah sahaja selesai daripada bengkel tersebut, banyak ilmu baharu yang diperoleh sepanjang tiga hari kita menyertai bengkel berkenaan. Saya sangat berharap ia dapat membantu Ahli-ahli PAC dalam setiap prosiding kita selepas ini. Sesalinan surat penghargaan terima kasih daripada CPA UK kepada semua Ahli-ahli PAC Parlimen telah dilampirkan dalam sampul kecil milik semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang hadir.

Pada pagi ini pula, Jawatankuasa ini akan meneruskan prosiding berhubung penjualan tanah milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Untuk makluman juga, ini adalah mesyuarat prosiding yang ketiga yang membabitkan isu ini. PAC Parlimen sebelum ini telah mendengar penjelasan daripada Yang Berhormat Khalid Samad, Menteri Wilayah serta wakil daripada Jabatan Peguam Negara serta Yang Berbahagia Datuk Seri Mohd Shukri Abdull, waktu ketika itu beliau adalah Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung dengan isu ini.

■1010

Isu ini tidak dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara dan PAC Parlimen menggunakan punca kuasa di bawah Peraturan Mesyuarat 77(1)(d) untuk menjalankan prosiding mengenai penjualan tanah milik DBKL ini. Justeru itu, saya memohonlah kepada semua yang ada di dalam Dewan ini untuk membantu Jawatankuasa ini sepanjang prosiding terutama sekali dalam memberikan input serta pandangan berdasarkan bidang tugas serta tanggungjawab kementerian dan jabatan masing-masing.

PAC Parlimen memulakan prosiding berhubung isu ini pada 4 April yang lalu dengan memanggil— ini secara latar belakang yang saya hendak maklumkan kerana mungkin ada pegawai yang sebelum ini tidak dapat hadir— dengan memanggil Yang Berhormat Tuan Haji Khalid Samad iaitu Menteri Wilayah. Kemudian pada 19 Jun lalu, dengan memanggil Peguam Negara serta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Jadinya, Ahli Yang Berhormat, ahli-ahli mesyuarat semua sekalian, selepas ini akan berada di hadapan kita pula adalah Tuan Derek John Fernandez, seorang peguam daripada Tetuan Fernandez & Selvarajah yang berpengalaman luas dalam bidang undang-undang kerajaan tempatan, undang-undang tanah, selain undang-undang pentadbiran awam. Selain daripada itu, beliau juga berkhidmat sebagai Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya sejak 10 tahun yang lepas. Saya percaya resume Tuan Derek John Fernandez dilampirkan dalam sampul kecil semua Ahli Yang Berhormat serta *ex-officio* sebagai rujukan.

Jadi, PAC Parlimen membuat keputusan untuk memanggil beliau bagi mendapatkan pandangan beliau berhubung isu penjualan tanah milik DBKL ini. Jadi selepas ini saya akan memanggil beliau masuk dan kita akan terus sahaja memulakan prosiding kita. Saya mengharapkan bantuan daripada semua Ahli-ahli PAC untuk membantu mungkin menanyakan soalan ataupun dan berkongsi pengalaman mengenai apa yang akan dibentangkan, apa yang akan di-*present*-kan oleh beliau nanti selepas ini. Terima kasih banyak-banyak.

Jadi, kita bolehlah panggil.

[Saksi mengambil tempat di hadapan Jawatankuasa]

Tuan Pengerusi: Selamat pagi. Saya bagi pihak PAC, saya ingin mengucapkan selamat datang kepada Tuan Derek John Fernandez iaitu seorang peguam daripada Tetuan Fernandez & Selvarajah yang saya percaya mempunyai pengalaman yang sangat luas terutamanya dalam bidang undang-undang kerajaan tempatan, undang-undang tanah, selain daripada undang-undang pentadbiran awam.

Jadi, *to be, I mean in short*, kita membuat keputusan untuk memanggil tuan untuk mendapatkan pandangan berhubung dengan isu penjualan tanah milik DBKL. Oleh itu, tanpa membuang masa, mungkin kita boleh mulakan mesyuarat pada hari ini. *I welcome you to be here today, thank you very much.* Mungkin Tuan boleh membuat— saya nampak ada *slide presentation* dan saya serahkan *floor* ini kepada Tuan.

Akan tetapi, sebelum itu, saya akan memaklumkan mengenai terma rujukan atau TOR prosiding penjualan tanah milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan yang telah dikemas kini Julai 2016.

Pertamanya, kita mengenal pasti manual operasi standard penjualan tanah milik DBKL.

Keduanya, mengenal pasti manual operasi standard pembangunan tanah di bawah seliaan DBKL— *do you have a copy?* Mungkin boleh bagi juga kepada— dan sama ada DBKL memberikan serta memasukkan ruang pandangan yang diberikan kepada penduduk terhadap pembangunan di sesuatu kawasan.

Ketiga, jumlah keluasan tanah milik DBKL yang belum dibangunkan serta pecahan kawasan hijau, rekreasi, kediaman dan komersial yang terkesan menerusi pemakaian versi akhir *KL City Draft Plan 2020*.

Keempat, status tanah meragukan yang dijual serta tindakan yang diambil pihak kementerian dan DBKL.

Kelima, sama ada wujud kepentingan konflik dalam isu ini terutama sekali menerusi penglibatan Yayasan Wilayah Persekutuan dalam penjualan tanah milik DBKL atau pemaju bersama untuk tanah-tanah berkenaan.

Keenam untuk TOR kita adalah status kes tanah Rimba Kiara.

Jadinya, tanpa melengah masa, saya mempersilakan Tuan Derek Fernandez.

Tuan Derek John Fernandez [Peguam Cara Tetuan Fernandez & Selvarajah]:

Dengan izin Yang Berhormat Datuk Pengerusi PAC Parlimen dan Ahli-ahli Jawatankuasa, Ahli-ahli Yang Berhormat PAC Parlimen Malaysia.

Terima kasih kerana memberi saya kesempatan untuk datang sini dan memberi sedikit keterangan pakar berkenaan dengan perkara-perkara pemilikan dan penjualan tanah DBKL.

Sebenarnya ini bukan— ini adalah kali pertama saya dipanggil sebagai pakar. Tetapi saya telah memberi keterangan di Jawatankuasa Ketelusan dan Pentadbiran di Dewan Undangan Negeri Selangor di mana saya telah— kes boleh dikatakan lebih kurang sama di SELCAT yang pada masa itu dipengerusikan oleh *Speaker* Teng Chang Khim di mana saya telah memberi keterangan dan diterima oleh SELCAT dalam laporannya.

Saya juga telah memberi keterangan dalam Jawatankuasa Kecil Dewan Undangan Negeri Selangor mengenai kerajaan tempatan mengenai kehilangan tanah-tanah awam di Petaling Jaya dan keterangan saya juga telah diterima dalam laporan jawatankuasa tersebut.

Dengan tidak membuang masa lagi, saya telah menyediakan lebih kurang 40 slaid kecil mengenai perkara ini dan sebenarnya tajuk dan skop ini adalah begitu mendalam. Ia bukan satu perkara yang senang difahami oleh semua pada kali pertama. Saya telah berada dalam bidang ini selama 30 tahun sebagai peguam dan saya juga 10 tahun dalam MBPJ sebagai Ahli Majlis dan saya juga pengerusi jawatankuasa berkenaan dengan *zoning* tanah dan juga pembangunan tanah dan *master plan* dan sebagainya. Jadi kalau Ahli-ahli Yang Berhormat perlu sedikit *explanation* dan sebagainya, tolong tanya soalan kepada saya.

Okay, just to let you know, it is not very easy to understand on the first time, I understand. This is a specialist field. So, please bear with me. If you need any questions— because I might assume you know something when actually it is not fair to assume and make an assumption. I hope I'll be able to explain. Okay.

A bit more comfortable if I stand, if that is all right with you?

Seorang Ahli: Yes.

Tuan Derek John Fernandez: *Okay, all right, thank you.*

So, I'll take you through the first slide. In order for you to appreciate this whole thing, because you will be hearing evidence from everybody, you must understand that the disposal, that means the selling or disposal by way of joint venture of land in Federal Territory of Kuala Lumpur, of course, the same principles may apply to Putrajaya as well as Labuan, you need to understand the legal framework.

I don't want to give you a lecture in law because this would be one semester at a university. There are so many books there and we go into the details, we will often get lost. But, understand, there's a number of laws operating. Ia bukan one law sahaja.

So, for land in Malaysia, we have the Kanun Tanah Negara (KTN). Of course, in KL, we also have this addition of Federal Territory (Planning) Act. Now, kenapa planning dan tanah? Macam mana ia berkait?

This is a question which you can ask. It is a very sensible question. I will give you an example so you will understand. If you have a piece of land, let's say it is zoned as a residential for houses, if you are only allowed to build one-storey bungalow, the land has a certain value only. So, when you valued it maybe RM120 per square foot, if you are allowed to build a 100-storey, the land is no longer RM120 per square foot. It is worth much more.

Now, 100-storey, we actually use the word plot ratio, in planning, that means how many times the built-up area or the floor area is relative to the land. So, for bungalow, let us say you have two-storey and you have 5,000 square feet and your plot size is 5,000, your plot ratio is one.

■1020

So, you must understand land value is very kait dengan land use and development intensity. Kita panggil intensity development. Intensity kalau commercial, they use plot ratio. In DBKL, they use almost all plot ratio. In other states, they use plot ratio and density. Berapa orang boleh duduk tempat dalam satu ekar dan sebagainya. So, it is very clear.

So, you cannot separate land value with development zoning and intensity. So, this is the first thing you must trigger your mind when you go through all this evidence. If not, you will not see what is being done. Okay, I think I give the example that is very clear. So, that means a two-storey bungalow, the land is worth less than a 100-storey commercial building or 50-storey residential apartment. Jauh berbeza.

So, we have the Planning Act for DBKL. DBKL is lain sedikit. Di seluruh Malaysia, hanya di DBKL pakai akta sendiri. Lain-lain PBT di Malaysia dia pakai Town and Country Planning Act 1976, 100 percent. Only Federal Territory ia ada perbezaan. You need to understand this. So, perbezaan ini mungkin salah satu daripada you punya siasatan sama ada kita perlu semua di Malaysia di bawah satu akta sepertimana is practiced-lah. Except only in DBKL. Because this act has given some rise to issues that there is a loophole, there is some problems which if it is not done...

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: *Sorry. Meaning that DBKL has to use the only akta there?*

Tuan Derek John Fernandez: *They use for planning. They use the Federal Territory (Planning) Act 1982.*

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: *Bukan pilihan?*

Tuan Derek John Fernandez: *Bukan pilihan.*

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Okey.

Tuan Derek John Fernandez: *This is passed for them.* Akan tetapi, seluruh Malaysia, *Town and Country Planning Act 1976.* To be more accurate— because I am a specialist— DBKL uses some part of the *Town and Country Planning Act 1976* but the most important part it uses its own akta. It is not pilihan. It is the law. Some got overlap. You know, if you have two pieces of law, some still apply to DBKL and then some part, no, they have their own method. Okay. So, maybe one of the things you need to discuss ialah sama ada we streamline under one. It is quite important. So, you tengok *Town and Country Planning Act 1976* also applied to the DBKL tetapi only a few bahagian. Bahagian IV tak. Bahagian IV is the most important, it is dealing with *planning control.* Then...

Tuan Pengerusi: Maaf. Maknanya bawah DBKL ada satu lagi tambahan?

Tuan Derek John Fernandez: Ya, tepat.

Tuan Pengerusi: Okey.

Tuan Derek John Fernandez: *Then, we have Local Government Act 1976.* This is also applied. Some applied to DBKL, some didn't apply to DBKL. Macam mana? Dalam semua PBT di Malaysia, *the local authority is the city council or the municipal council* atau dia punya pejabat tanah. *They consist of not less than eight, not more than 24 councillors* with Datuk Bandar ataupun YDP. Itu jadi satu badan. Akan tetapi, DBKL tidak ikut ini. *DBKL got their own Federal Capital Act* di mana only ada seorang sahaja iaitu *the Commissioner.* The Commissioner is Datuk Bandar. Yang *advisory committee* itu bukan *councillors.* *Advisory committee* memang tidak ada kuasa. *Advisory committee advise* tidak payah dengar, *is no problem.* Okey?

So, they have different governance system in Federal Territory and different governance in the whole of Malaysia. In the whole of Malaysia, seseorang tidak boleh buat keputusan. Seseorang tidak buat. Datuk Bandar tidak boleh buat keputusan. Dia mesti dapat majoriti sokongan daripada Ahli Majlis yang dilantik oleh parti-parti dan sebagainya. Ada NGO. Saya dari golongan NGO sebenarnya. *State* lantik. Akan tetapi, di DBKL, seorang buat keputusan. So, ini penting to understand. Okay, next.

So, your question one and two...

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Sorry. Saya mendapati dalam kenyataan ini bahawa maknanya ada baiknya benda itu dipinda?

Tuan Derek John Fernandez: Itu pandangan sayalah.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: *I think that's the point.*

Tuan Derek John Fernandez: Kerana kita perlu *streamline* di Malaysia di bawah satu sistem ketelusan, satu sistem pentadbiran tanah dan juga kebenaran merancang.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: *Sorry.* Maknanya— bukan saya hendak keluar tajuk tetapi penting untuk kita sebagai Ahli Parlimen untuk mencadangkan sesuatu kepada Kementerian Wilayah nantilah. Terima kasih.

Tuan Derek John Fernandez: Terserah kepada Ahli Parlimen.

Tuan Wong Chen [Subang]: *Derek, before you continue.*

Tuan Derek John Fernandez: *Yes.*

Tuan Wong Chen: *So, you said one person calls the shot. Is it the Minister or is it the Mayor?*

Tuan Derek John Fernandez: *Okay, I am going to go through to reiterate. So, under the Federal Capital Act— well, under the Planning Act, you would think it is the Datuk Bandar. You would think. The commissioner.*

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: *What is the Planning Act that you are mentioning?*

Tuan Derek John Fernandez: *The Federal Territory (Planning) Act of 1982. The Federal Territory (Planning) Act. So, you would think that it is the Datuk Bandar. And it says, "The commissioner which means the Datuk Bandar".*

The problem is the Federal Capital Act has a clause which says Datuk Bandar must follow the Minister. The Minister's instruction to Datuk Bandar has got to be followed and often this is used...

Tuan Pengerusi: *Yang instruction itu, adakah dinyatakan instruction secara verbal, bertulis ataupun kena ada nota arahan?*

Tuan Derek John Fernandez: *Dia tidak bagi tetapi arahan. Saya akan go through the section. It doesn't have to be in writing but normally you will see a small scribble in the corner of a letter— "Disokong" dan sebagainya. Itu sokongan bukan sokong. Itu arahan. Dari segi administrasi, bila Datuk Bandar terima, dia kata, "Saya mesti mengikut". Soalan ini memang lebih serius kerana Minister duduk di office di Kuala Lumpur di atas pejabat Datuk Bandar. So, memang dia ada office sana dekat DBKL. So, ini jadi problem dari segi pentadbiran. Apabila permohonan seorang ditolak oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur, runner datang masuk, dia akan press lif pergi ke Minister, jumpa, override.*

Ini tidak healthy. Menteri Besar Selangor tidak duduk di MBPJ. Chief Minister Penang tidak duduk di Majlis. Macam mana you ada office dalam sana? Ini bukan healthy. Because, pihak Datuk Bandar berasa kecewa. Dia macam, "Saya sini sebagai office boy kah apa ini?" So, ini memang dari segi pentadbir awam tidak healthy. Sebenarnya Minister duduk di Putrajaya. Ada kadangkala you datang, ada meeting dan sebagainya tetapi pejabat tetap— it is not healthy to have a full time office there because it undermines the leadership. If for instance— even our

EXCO members don't have a seat or a room or an office in MBPJ because the Mayor will be intimidated. It is very difficult to do the job whenever I say something, they run upstairs and it is not in a professional manner. So, this is something that you need to understand. I will go through the sections.

So, untuk your first two points, the manual dan sebagainya, actually it is already answered in a case. So, the huge public outcry relating to the management of public land— ini tanah awam. Tanah awam dia boleh make it as a kawasan lapang, tanah untuk infrastruktur, tanah untuk community hall, green belt— banyak tanah ini. Memang ada huge outcry di Federal Territory di dalam media semasa dan dalam kes yang the latest case iaitu Aset Kayamas di mana didedahkan kali pertama— memang if you are in government, you know-lah. But for the public, how land alienation takes place in KL? How it is being done practically? Not looking at the manual because the manual basically makes it the Minister's call. So, we look and the Mayor has to testified. So, these are the cases— this is the former FT Minister but even now the practice is still the same. The practice has not changed. The practice is still the same. The power is still the same. Okay? Whether it is before or now, it is still the same.

So, you can see that he was asked— the former Mayor— regarding how DBKL is selling land or joint-venture land. He has testified in the court. Inilah keterangan yang bersumpah oleh former Mayor. [Merujuk kepada slaid pembentangan] So, these are other things. Not only Aset Kayamas. The other cases involving KL Plan, Taman Rimba Kiara, Setiawangsa, Titiwangsa punya tempat— banyak. Dia memang every day it is going on. Ada website dedicated sekarang DBKL Watch di mana— in fact, readership almost a million people have viewed. This is an issue which is important to people in the Federal Territory. As it is important in other states. Negeri Selangor pun sama juga, not any difference. Okay, next one.

So, the most recent article is The Edge where the issue of conflict of interest between DBKL, Federal Territory Minister, Yayasan Wilayah Persekutuan, pemaju and resident was highlighted in a very extensive coverage in The Edge. They talked about it. And I think Yayasan katakan sekarang dia tidak mahu buat— don't go into property lah. Mungkin have some issues there.

I hope you all know that Yayasan Wilayah Persekutuan is a company which you can do a search. The objective of the company is not charity. It is stated there as commercial. Number two, it is a company limited by guarantee under the objectives of the company. Now no longer required under the Companies Act but the objective is there. Although they said they are mandated under the constitution is a charity but the objective in the company registry, at least at

the last search, I don't know whether they have amended it but this is under previous administration.

Number two...

Tuan Pengerusi: *Ya, we are talking about the Yayasan Wilayah Persekutuan. Yayasan is a foundation kan? Akan tetapi, saya minta sekretariat nanti keluarkanlah. Keluarkan the whole objektif dan segalanya fasal yayasan itu. I think it is good for the Ahli untuk tengok and have a copy of that as well.*

■1030

Tuan Derek John Fernandez: *You need to do a full search at the Companies Commission. It is a company limited by guarantee under, I think, I believe, section 44(3) of the Companies Act. Company limited by guarantee cannot carry out ownership and selling off property without the Minister's consent. So, that is number one the thing that you need to check.*

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: *This Yayasan is registered under JPM or under SSM?*

Tuan Derek John Fernandez: *Under SSM.*

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: *Okey.*

Tuan Derek John Fernandez: *It is a registered company. I will go through the company search in the moment. I am just giving you the overall background. It is limited by guarantee and sitting by virtue of constitution, it is the Federal Territory Minister and the Mayor. So, the constitution now— understand what this means.*

Tomorrow I can form a yayasan, there is no problem— company limited by guarantee. And let us say I put YB Datuk Pengerusi as my chairman. I don't ask his permission. I put there in my constitution, you are automatically my chairman and you are also on my member board. Memang later you decline, tak apa, tapi I register first. Okay? Okay.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: *Without permission?*

Tuan Derek John Fernandez: *No. They will need to have consent but sometimes they put in the constitution, they can change the constitution and lock it in. So, this one— bukan the FT Minister macam sekarang. It is not as if he applied, you know. It is in the constitution that all FT Minister will be the chairman. This is the problem. Of course, he ultimately has to agree, he can say he doesn't do it.*

So, we are going into the details now. I just gave you the general picture. So, that is why this one is big. If you read the article there, you will go through in detail. Okay, go through? Okay.

Tuan Pengerusi: *Sorry. Bermakna it is that easy to form a yayasan from your explanation?*

Tuan Derek John Fernandez: *Well, yes. I mean that is not impossible to form. As long as the paperwork is there, you say I want to form a foundation, the foundation is to raise money for, say charity and then I comply with the format, I can form it. But when you use the yayasan—and everybody thinks yayasan must be very good, it is very good. Macam Selangor ada Yayasan Selangor, sama juga. Bukan sama, because this yayasan is commercially in nature. So, furthermore, the people who sit in the yayasan actually approve the kebenaran merancang, they approve the land semua itu. Dalam Yayasan Selangor, Menteri Besar Selangor doesn't sit on MBPJ. Dia tak approve. So, yes you can form a yayasan, I wouldn't say it is very easy but with the right support, you can form it and you can operate.*

So, you don't look at the word yayasan. When you study, you look at what it actually does, who sits there, what is the power is more important to focus. Okay?

Tuan Wong Kah Woh: *Derek, sorry. I may have missed some points just now. Sorry. As Yayasan Wilayah Persekutuan is concerned, which law does that— what was the body that...*

Tuan Derek John Fernandez: *Companies Act, Companies Act.*

Tuan Wong Kah Woh: *It falls under Companies Act?*

Tuan Derek John Fernandez: *It falls under Companies Act.*

Tuan Wong Kah Woh: *Just like— okay.*

Tuan Derek John Fernandez: *It is a company limited by guarantee. As you know, it is a common vehicle to use the company limited by guarantee.*

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Derek John Fernandez: *Ya. So, we will go to the— I have the SSM search here. I will show it to you.*

Tuan Wong Kah Woh: *But how about other yayasan like Yayasan Perak, Yayasan Selangor?*

Tuan Derek John Fernandez: *They may be different. Some may be formed by statute, some may be formed...*

Tuan Pengerusi: *Ya, there are two types.*

Tuan Derek John Fernandez: *Ya, there are two types. Some may be formed also by guarantee but in that case, it is 100 percent guaranteed and controlled by the state and then, who sits on the yayasan and what is his power. So, they are all different. Okay? They are not the same for all.*

Tuan Wong Kah Woh: *Would SSM actually restrict the usage of the word yayasan? Because it is quite misleading.*

Tuan Derek John Fernandez: *They would. I believe there would be procedures to do that but obviously it is not enough because we will go through what has happened. So, obviously yes, they should, they would. I mean you have to apply to get the approval. You can't just automatically set up a yayasan. You need an approval. Often, the administrated thing is government. But this yayasan is not subject to the scrutiny of the Auditor General. There is no file that is written and this thing is not—*

So, the oversight mechanism is not there. It is a company, a company. Only under the registrar, under the SSM, is only the governing body. It doesn't have external oversight macam PBT. It doesn't have this. Okay? So, you need to go into the weaknesses in the moment.

So, in the case of pendakwa raya— I am going to Tengku Adnan. I am not saying it is only Tengku Adnan. This is a normal thingy. The DBKL minister has answered your question one and two. Okay? He has already answered for you. He said DBKL cannot sell land unless it complies with section 101(r)(i). Okay, long section.

What the section says? Basically, without the approval of the minister, local authority cannot sell the land in the case of Federal Territory. In the case of the rest of Malaysia, the state authority has to approve the sale of the land. Okay? It is prohibition under. So, what the Mayor is saying?

Point (a), "The decision to sell the land cannot be mine. It is not mine. It has to be approved by my boss." He calls him boss, so he must be the boss. Okay, we go through the case. So, section 101 of the Local Government Act basically says "No sale..."— you look at the (i)— "or other alienation of immovable property..."— immovable is tanahlah, tanah. Tidak boleh berlaku without consent of the state authority. So, for Federal Territory, the equivalent section under the Federal Capital Act for state authority would be the minister in charge of the Federal Territory.

Now, this is something I hope maybe semua boleh dapat faham. Ada perbezaan yang ketara di mana an oversight kerajaan negeri dengan FT Ministry. Di kerajaan negeri, memang dia punya procedure governance is more restrictive. Dia mesti table dekat EXCO dan dia ada banyak proses. Tetapi di Federal Territory, sikit luar biasa. Dia macam kuasa sebagai Menteri Besar tetapi tanggungjawab bukan sebagai Menteri Besar. Ketelusan dan governance bukan seperti Menteri Besar. Tidak ada oversight. Dia seorang sahaja. So, ini jadi perbezaan. Dan adakala you tengok bahawa FT Ministry macam kerajaan negeri. Dia anggap dia buat, oh, ini yayasan macam state buat, saya boleh buat juga. Akan tetapi, dia bukan state.

Sebenarnya sejarahnya, *FT Ministry* dalam PMO punya *department* dan sebenarnya bila *you* ada Datuk Bandar, *you* tidak sebenarnya perlu *FT Ministry*. Memang tidak ada kerja *because* Labuan ada *authority*, Putrajaya ada *authority*. Memang dahulunya rujuk kepada PMO, *Prime Minister's Office*, dahulunya, tetapi sekarang dia ada *ministry* macam itu. Itu jadi *problem because what is the scope of work of the FT Ministry?*

So, *you see the problem is, I think* lah, sekarang *FT Ministry* dah masuk Pelan Malaysia semua, dia bagi kerja *like* tambahanlah *because you got the ministry there but the question is do you really need a ministry? When you are talking about DBKL, it is a federal body and the Mayor is enough to actually run the whole of Kuala Lumpur as is Putrajaya, Perbadanan Putrajaya and Labuan also they can run themselves, they don't really need. But anyway, it is there. Okay?*

So, *they cannot transfer or sell the property without the Minister's approval. So, we see very detail the evidences given which is reported in The Star of what the Mayor had said and this is what he said. Now, this is also— made me very surprise. "When doing outright sales, the process..."— this is a keterangan dalam mahkamah dalam kes Aset Kayamas. Ini adalah prosecution di bawah MACC. "When doing outright sales, bila saya nak jual tanah, the process usually starts with the application by a pemaju to buy and develop any land that is belonging to DBKL." Now, any land ini bermaksud padang pun boleh. Maybe Parlimen, saya pun boleh pohon juga ya. Walaupun dia tak belong dalam DBKL masa itu, tak didaftar, dia— it is under the Federal Commissioner of Land, under the ministry, it is in DBKL jurisdiction, so I can apply. Okay?*

Application was done through a letter, surat sahaja dan the developer sent to the Federal Territory Minister for his sokongan. So, surat hantar kepada minister, konon dia kata sokongan. Itu proses permulaan untuk dapat tanah. Outright sales, in this case of land, owned by the Mayor of Kuala Lumpur to the developers for certain projects such as affordable home. In the past, the concept of development on DBKL's land was a joint venture. Dahulunya dia tak jual, dia kata mesti ada JV tetapi ada kes di mana dia jual outright.

Now, ini penting. DBKL never made any advertisement to advise, to invite any person to buy the land. So, walaupun ada orang tulis surat, tidak didedahkan ini adalah untuk dijual untuk mendapat harga yang paling baik. So, I think you all on the PAC know it is the best price— is a governing. We have the best price sometimes to tender, sometimes to direct nego but they also invite for quotation.

So, what DBKL Mayor is saying is we have never advertised the land for sale. So, ini jadi problem. Kalau ada padang di sana, padang DBKL, saya tulis surat— tetapi ada banyak yang tak tulis surat kerana dia kata ini padang, kenapa saya nak beli padang? Ini padang untuk padanglah, macam mana boleh ditukar jadi lain-lain? Akan tetapi, satu surat sahaja boleh

disampaikan kepada *minister* dan kalau sokongan diberi, proses ini bermula. So, ini adalah— memang di negeri-negeri lain *this process* tak boleh.

Okay, next slide. So, Tan Sri Ahmad Phesal Talib *startling admission of how thing is done— the disposal of the public land.* Dia memang ada lubang untuk *abuse*. Saya tak kata semua *abuse* dan *corruption* tetapi ada kelemahan yang ketara yang harus diatasi sama ada dengan prosedur, pindaan undang-undang dan sebagainya.

Nombor satu, dia jelas, seksyen 101 Akta Kerajaan Tempatan 1976, DBKL tidak boleh jual tanah tanpa kebenaran Menteri. *Okay? So, the Menteri is controlling—*

■1040

Number two, under section 13— tadi sudah diwujudkan soalan— *Federal Capital Act 1960, the Minister can give directions to Datuk Bandar— referred to as Commissioner* ya, dalam akta dipanggil *Commissioner—* yang mesti diikuti. Ini, *yes*, begitu. Di semua negeri di Malaysia tidak ada Menteri Besar boleh memberi arahan yang patut diikuti. Hanya ada di Akta Kerajaan Tempatan, *the state authority can give directions not inconsistent—* ini penting— yang tidak bercanggah dengan kuasa PBT di bawah akta. Ini patut diikuti di mana bila saya buat arahan kepada *you*, ini polisi arahan.

Okey, sekarang kita hendak *25 percent affordable housing*. Bukan kata ini *application you* lulus. Tidak boleh. *Because* ini bercanggah dengan kuasa PBT di bawah akta yang budi bicara adalah pada PBT untuk meluluskan KM. Di negeri Selangor dan di negeri-negeri Malaysia dipanggil KM, kebenaran merancang. Di DBKL dipanggil *development order* lah. Samalah.

So, memang ini adalah satu seksyen yang begitu peliklah bagi saya. Kalau ini, *it means* tidak payah Datuk Bandarlah sebenarnya. Tidak ada ruang untuk Datuk Bandar *function because* yang *call the shot is the Minister.* So, *you need to decide which is the proper body because it gives a lot of conflict in administration.*

Okey, *now* ini yang paling penting. *I hope* Jawatankuasa *you can maybe appreciate this.* Apakah *value* tanah ini? Bila saya tulis kepada Datuk Bandar atau *Minister*, siapa— *the valuation is on what basis? You* kata dia ada *valuation, land valuation. On what basis?* Ini yang paling penting. *You based on— this is* padang. *You based on* saya akan tukar kepada komersial tetapi saya akan bagi *you plot ratio four* atau saya akan bagi *you plot ratio six* atau saya akan bagi *you plot ratio 10.* So, hasil kerajaan berkait dengan intensiti pembangunan yang boleh dibenarkan.

So, *that is why we have this plan.* So, *actually the Valuation Department should open the plan.* Ini sudah *plot ratio 10*, jadi saya kira premium berdasarkan *plot ratio 10*. Bukan kira premium *plot ratio* satu, lepas itu sudah benarkan *plot ratio 10*. Memang kerajaan *has lost a lot of money.*

Secondly, whether suitable or not the land for the purposes of selling or joint venture development. So, this is the question that you have to ask. Because, if not, they will be abused. You pay the government for plot ratio— I think in one case, I will show you the agreement, if the plot ratio they say maximum six, they kira all that one six tapi actual bagi 10. Antara 6 dan 10 itu it is millions, bukan 100 thousand, million difference in the value that the government now has not got this money. So mungkin you need to look into this.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Derek, you mentioned about the plot ratio. I think we understand that the KL Structure Plan is not gazetted.

Tuan Derek John Fernandez: Yes.

Tuan Wong Hon Wai: So we understand that when it is not gazetted, under the TCPA, it is called draft. It got certain statutory meaning when it is called draft. Even to talk about the draft structure plan, before the draft structure plan, there must be some planning document which is controlling the plot ratio intensity. So, what are the current— I mean what are the existing planning document before structured planning is effective that can control the plot ratio? It cannot be arbitrary to say a number.

Tuan Derek John Fernandez: All right, it cannot be. Okay, to correct you, KL's City Plan was passed in January of this year, setting the intensities. So, this is 2019.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Can you please explain which version was gazetted versus the version that everybody was protested against?

Tuan Derek John Fernandez: You bear with me, I have the whole slideshow on that.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: All right.

Tuan Derek John Fernandez: On what was before, what was after, what happened and you can clarify all that. I got the whole slideshow on that which we are going into detail.

But, just to say, there is a plan. But this is not the plan that was tabled before the public for objection and you will see that there have been tremendous changes. The admitted changes are about 200 plus. The unadmitted ones in which the documents have been given to, I think some MPs have already got those documents, is another 200, so you got about like nearly 400, 350 changes in land zoning and land intensity that have never been displayed to the public that has increased the value of those lands and the most important, it has created an unsustainable use. What you thought was a park, no more park, it has been taken away. What you thought was a community hall, now is something else and it never went through the public process. I am going to that detail. So, they did have that.

Earlier on when the draft was tabled is 2008, they never have that. So, you asked me what document? There were the comprehensive development plans before that which locked the

densities and all that. So, they came up with draft, the public participated, everything was agreed, all that went through, and then the former Minister refused to pass the draft. He just kept in a meja like this, don't want to pass. Although the law says under the interpretation of Legislation Act that when you are given a power, you must exercise that power expeditiously, it says that. Where there's no time— so, nine years has passed.

In the meantime, all development orders have been granted which is in conflict with the one which you have agreed with the public but you did not pass it. So, that is why there is disharmony, there is anger, this problem. Okay.

Tuan Wong Hon Wai: What I am saying that before the draft, they should have one...

Tuan Derek John Fernandez: Yeah, comprehensive. They have a comprehensive development plan.

Tuan Wong Hon Wai: Comprehensive. So, are they following the comprehensive?

Tuan Derek John Fernandez: No, no, no. They didn't follow the comprehensive, they didn't follow the draft and now they have got the actual one and we have to see lah whether they are going to follow or not. But the actual one, all things have already been changed. Okay. So, Titiwangsa is the case of one where even it was originally something else. I'll go through the detail.

Next one. Okay. So, the local plan...

Tuan Pengerusi: I would like to ask, you mentioned that it was put on the table and then you mentioned about the power, you tidak guna power ini semua. Siapa yang you refer kan?

Tuan Derek John Fernandez: This is the former.

Tuan Pengerusi: Siapa the former? There are so many former Ministers.

Tuan Derek John Fernandez: Tengku Adnan was the former Minister where this draft was put— it went through a process, it cost 15 million dollars. This is the book. [Merujuk kepada slaid pembentangan] This is the draft in 2008. I participated. I appeared before the panel six times. I think at that time was Datuk Seri Halimatun was the Chairlady appointed by the government to chair this process of hearing public objection. Over one year of— hundreds and hundreds of members of public saying this was....

Puan Nurul Izzah binti Anwar: No MPs?

Tuan Derek John Fernandez: MPs also came. That time opposition MPs lah had come in. Yes. Had come in.

This was DBKL proposal for Pembangunan Mampan Kuala Lumpur 2020, best city in the world, everything semua ini. One book is telling you how beautiful this plan is. So, after that process, they have a Jawatankuasa Pendengaran Bantahan. They go through, they make

recommendation, they put in whatever, sudah habis okey, then they passed the plan to the Datuk Bandar. Datuk Bandar met with them and say okay, no problem, Minister must gazette and then suddenly the book going into ice, dibekukan. Sampai tahun 2018, it came back. Akan tetapi di antara masa yang dibekukan sekarang, lebih 223 perintah pembangunan dikeluarkan bertentangan dengan apa yang telah melalui proses bantahan awam.

